



KEUNGGULAN KEPENGARANGAN NOVEL-NOVEL TERPILIH ANWAR RIDHWAN

The Writing Breakthrough of Anwar Ridhwan's Selected Novels

Mohamad Rosmizi Mahamad
rosmizimahamad@yahoo.com

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Ghazali Din*.
ghazali_din@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Phaosan Jehwae.PhD.
Fazdany@hotmail.com

Universiti Fatoni,Pattani Thailand

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti keunggulan kepengarangan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang akan dianalisis menggunakan teori Teksdealisme melalui empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan. Secara khusus, kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kedua-dua novel tersebut yang menjadi kekuatan kepada kepengarangan pengarangnya. Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dikarang oleh Anwar Ridhwan yang merupakan tokoh Sasterawan Negara ke-10. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Secara holistiknya, kajian ini mengaplikasikan empat prinsip yang mendukung teori Teksdealisme yang menampilkan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dan menemukan konsep keunggulan baharu iaitu Citra Keunggulan Insan melalui tiga prinsip utama iaitu prinsip Hijrah, prinsip Jati Diri dan prinsip Insaniah. Kajian ini merumuskan secara keseluruhan dari segala aspek bagi mengenal pasti dan menganalisis keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan. Akhir sekali, kajian ini memberi implikasi kepada pengkaji atau penyelidik sebagai asas memahami proses kepengarangan selain turut membantu pembaca memilih karya yang benar-benar unggul serta mendorong pengarang mempertingkatkan karya bagi mencapai tahap unggul.

Kata kunci: Keunggulan; Kepengarangan; Novel

ABSTRACT

This study focuses on the advantages of writing the novel of *Naratif Ogonshoto* and novel *Penyeberang Sempadan*. These two novels will be analyzed by using the Teksdealisme theory through four principles, namely the presence, violations, strengthening and individuality. In particular, the study will identify and analyze the advantages on both of the novels that became the strength to the authorship of the author. The novel *Naratif Ogonshoto* and novel *Penyeberang Sempadan* are written by the 10th National Laureate, Anwar Ridhwan. This study used a qualitative research design with literature and holistic content analysis method. Holistically, this research solicit four principles foreground the theory of Teksdealisme which showing Anwar Ridhwan's excellent written works. Whereby this inaugurate a new feature of pre-eminence image of human through three prime principles which is principle of migration, principle of self-identity and principle of human contribution. Finally, the implication of this study is to provide researchers with the basic understanding of the process of authorship as well as assisting readers to select the work that they expertise and to motivate the authors to enhance their work to achieve an excellent level of writing.

Keywords: Advantage;, Authorship; Novel;



PENGENALAN

Beberapa tokoh pengarang hebat telah lahir dalam meletakkan kegemilangan kesusasteraan Melayu yang mempunyai fungsi sebagai cerminan masyarakat. Menurut Ani Omar (2011) sastera berfungsi untuk menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan oleh para penulis tanah air. Tokoh-tokoh ini pula telah diiktiraf dengan pencapaian tertinggi dalam meletakkan sastera sebagai medium penting dalam masyarakat adalah dengan pengiktirafan tinggi negara dalam perkembangan kesusasteraan Melayu sebagai tokoh Sasterawan Negara. Sehingga tahun 2019, seramai 13 tokoh Sasterawan Negara dipilih berdasarkan pemikiran yang dibawa dalam perkembangan sastera Malaysia sebagai salah satu cerminan masyarakat yang penting. Anugerah Sasterawan Negara pertama dianugerahkan kepada Kamaludin Muhammad atau digelar Keris Mas, diikuti Shahnnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Muhammad Dahlan Abdul Biang (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996), Syed Othman Syed Omar (2003), Anwar Ridhwan (2009), Ahmad Kamal Abdullah (2011), Baha Zain (2013) dan Zurinah Hassan (2015). Kejayaan tokoh-tokoh ini membuktikan pengarang sastera dianggap penting sebagai medium cerminan masyarakat dengan membawa imej diri melalui keunggulan unsur yang diketengahkan sebagai panduan yang bermakna buat khalayak.

Kepengarangan tokoh Sasterawan Negara penuh dengan falsafah kehidupan insan, budaya masyarakat, simbolisme citra warisan dan wawasan yang unggul. Mereka meletakkan pelbagai unsur simbolisme sebagai daya intelektual proses kreatif yang berkualiti buat pembaca serta melambangkan situasi zamannya dan keadaan akan datang sebagaimana menurut Mohd Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013:2) Penulisan karya Sasterawan Negara bersifat futuristik yang telah membuat beberapa ramalan dan jangkaan keadaan dunia pada masa hadapan. Antara unsur yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh tersebut ialah unsur kemasyarakatan, unsur alam, unsur politik, unsur ekonomi sosial. Keunggulan unsur yang diketengahkan ini menjadi tunjang kepada intelektual, proses kreatif dan falsafah pengarang bagi meletakkan kepengarangannya di tahap yang unggul.

Kekuatan unsur yang ditampilkan pengarang turut dilihat dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* hasil karya tokoh Sasterawan Negara ke-10 yang merupakan salah seorang tokoh dalam menyumbangkan kegemilangan kesusasteraan Melayu tanah air. novel *Naratif Ogonshoto* diterbitkan pada tahun 2001 pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana 2002/2003 dan Hadiah Sastera Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) pada tahun 2002. Begitu juga novel *Penyeberang Sempadan* yang diterbitkan pada tahun 2012 dan turut memenangi tempat pertama Hadiah SAKO bagi novel Nasional pada tahun 2002/2007 anjuran Kumpulan Utusan dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Kedua-dua novel tersebut menampilkan keberanian pengarangnya dalam usaha mentransformasikan konvensi sastera bercorak baharu yang berbeza dengan penulis-penulis terkemuka bahkan penulisan yang sedia ada.

Sebagai pelopor yang menyumbang kepada perkembangan sastera tanah air, jangka masa yang panjang perlu ditempuh untuk menghasilkan karya yang benar-benar berkualiti. Bahkan, pelopor ini turut menimba ilmu dan pengalaman hasil daripada kepengarangan tokoh-tokoh sastera yang mendahuluinya seperti Arenawati, Shahnnon Ahmad, Usman Awang dan A. Samad Said serta tokoh lain Sasterawan Negara. Menurut Abdul Halim Ali (2011) dalam jurnalnya *Proses kreativiti A. Samad Said berasaskan teori Teksdealisme*, iaitu proses kepengarangan A. Samad Said menuju ke peringkat keunggulan adalah melalui keberanian selain membuktikan prinsip kehadiran dan hubungannya dengan proses kreatif beliau sepanjang menghasilkan karya. Hasil ini jelas menunjukkan bahawa kepengarangan pengarang memang tidak dapat lari daripada pengalaman yang menjadi bawaan idea-idea bersama realiti kehidupannya dalam menghasilkan sesebuah karya bagi menonjolkan keunggulannya. Perkara ini turut dijelaskan oleh Mana Sikana (2013:230) pengalaman mempunyai roh dengan kreativiti penulisan teks bahkan pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekeringan dalam teks.

Seseorang pengarang yang unggul secara telitinya akan berusaha menggunakan bakat, kebolehan dan keintelektualan yang dianugerahkan dengan membawa unsur-unsur tertentu bersama idea dan olahan yang baharu supaya mencapai tahap unggul. Menurut Abdul Halim Ali (2015:187) pengarang dituntut supaya berani mengemukakan idea-idea baharu, teknik penulisan baharu, mengekalkan dan



mempertahankan stail yang dibina sendiri atau pun menghasilkan inovasi-inovasi yang mungkin luar biasa pada pandangan umum. Transformasi yang dilakukan pengarang bukanlah sebarangan melainkan turut memiliki kebijaksanaan yang dianugerahkan bagi menampilkan keaslian, keupayaan berfikir secara kreatif malah berusaha menampilkan imej atau identiti tersendiri. Demikian sifat yang harus dimiliki oleh pengarang yang mampu mencipta, meneroka dan menghasilkan karya yang unggul demi pembentukan dan pembangunan masyarakat.

Meneliti kepada aspek kajian yang dijalankan ini, keunggulan kepengarangan yang dimiliki oleh Anwar Ridhwan akan diteliti sebagaimana kajian kepengarangan tokoh-tokoh sastera lain. Novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* akan menjadi bahan utama kajian untuk dianalisis bagi membuktikan keunggulan kepengarangan beliau. Sesungguhnya tahap keunggulan menjadi idaman bagi setiap pengarang sastera untuk meletakkan karyanya di takhta unggul. Begitu juga dilihat melalui diri Anwar Ridhwan yang berusaha menggunakan kebijaksanaan yang dianugerahkan bagi menghasilkan karya yang benar-benar unggul.

Menurut Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:75) daripada hasil penulisan beliau, jelas menunjukkan bahawa ikon Anwar Ridhwan mementingkan kualiti dan bukannya kuantiti dalam berkarya dan telah dilihat menjadi satu ikon penting dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden Malaysia.

Keistimewaan yang dimiliki Anwar Ridhwan telah dibuktikan apabila beliau telah memenangi beberapa hadiah penting sastera dalam negara mahupun luar negara. Antara hadiah tertinggi yang dimenangi beliau ialah *S.E.A Write Award* pada tahun 2002 dan turut dianugerahkan Pingat Datuk Paduka Mahkota Selangor pada tahun yang sama, juga sebagai Tokoh Budayawan Selangor pada tahun 2005 dan kemuncaknya pada tahun 2009 telah diumumkan sebagai penerima anugerah gelaran Sasterawan Negara ke-10. Anugerah Sasterawan Negara merupakan anugerah tertinggi negara kepada tokoh yang menyumbangkan keunggulan sastera di dalam mahupun luar negara. Antara ucapan penerima Anugerah Sasterawan ke-10 dalam *Ikon Kesusasteraan 11 pemikiran global sasterawan Negara Malaysia* oleh Mohd. Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013: 403) beliau menegaskan bahawa kesusasteraan Melayu sudah “ke pentas dunia gelanggang..... ciptakan karya bertaraf dunia” dan memperihalkan bahawa para pengarang adalah insan istimewa yang dianugerahkan bakat oleh Tuhan untuk membimbing umat manusia sebagai hamba dan khalifah.

Bukan sekadar itu, pembaca sebagai masyarakat juga harus bijak menilai hasil kepengarangan pengarang yang benar-benar kreatif dan kaya dengan sifat keunggulan dengan memberi sokongan dalam usaha mengangkat karya di takhta kegemilangan sastera tanah air. Pengarang sebegini selain cuba mencerminkan sifat keperibadian diri dan keindahan, malah jauh untuk memberi nilai dan pengajaran penting dalam pembangunan masyarakat. Demikian menurut Mana Sikana (2013:83) apabila kita menganggap bahawa sastera itu mendekati akar tradisi sesebuah masyarakat, maka falsafah yang terkandung di dalam sastera itu yang bertunjangkan keindahan dan kebenaran tidak hanya dinikmati dan diambil pengajaran oleh masyarakat pada masa itu sahaja tetapi akan terus hidup dan subur untuk dinikmati oleh generasi seterusnya. Dengan itu, pengarang sastera yang sebenar-benarnya akan dijulung dalam usaha mengembalikan martabat dan kedudukan sastera di tanah air.

Justeru, kajian novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* akan dikaji bagi membuktikan aspek keunggulan kepengarangan pengarangnya iaitu Anwar Ridhwan. Keunggulan ini pula akan dilihat melalui aspek-aspek yang menjadi nadi dan kekuatan novel selain turut melihat isu yang dipaparkan serta penggunaan sudut keindahan sebagai sensitiviti pengarang dalam kepengarangannya hingga mengangkat martabat karya dan pengarang. Menurut Rahimah A. Hamid (2017) sensitiviti ialah percikan pertama yang membangkitkan idea atau ilham di jiwa pengarang untuk mengarang sehingga menampilkan daya kreativiti dan keistimewaan dalam sesebuah karya. Berdasarkan keunggulan kepengarangan ini akan menjadi teras penciptaan dan sensitiviti pengarang sebagai usaha meletakkan karyanya pada tahap yang unggul di sisi masyarakat dan dunia sastera atas usaha pembinaan dan pembangunan masyarakat.

PENYATAAN MASALAH

Dalam kajian ini, permasalahan dikaitkan dengan proses kepengarangan pengarang yang membina keunggulan diri sebagai pengarang sastera. Kepengarangan seolah-olah menjadi rahsia peribadi



pengarang dan jarang dibincang atau dikaji. Pembaca hanya tertumpu kepada hasil karya pengarang, namun tidak pula melihat keunggulan karya dan cara karya tersebut dihasilkan. Bagi Jelani Amir dalam Mana Sikana (2013:230) penyerlahan teks lazimnya dipengaruhi dan diwacanakan oleh pengalaman, ilmu pengetahuan, falsafah, pendirian, tanggapan dan nilai seseorang pengarang. Oleh yang demikian, ciri-ciri unggul yang terdiri daripada pelbagai unsur dan elemen yang membina teks harus dikaji bagi memahami kandungan teks dan dinamika kepengarangannya.

Kepengarangan Anwar Ridhwan tidak boleh dikesampingkan bagi memperlihatkan usahanya menterjemahkan pemikiran melalui penghasilan karya serta proses kreatifnya. Menurut Othman Puteh (2015) pembaca dan pengkaji akan dapat menelusuri jejak dan arah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam memahami latar belakang dalam mencerna sesuatu karya dengan lebih baik. Begitu juga bagi Rahimah A. Hamid (2017) kepengarangan amat penting bagi membolehkan pembaca mengetahui tujuan dan kepentingan kepada penghasilan sesuatu proses kreatif. Oleh itu, apabila kepengarangan Anwar Ridhwan dikaji dapat membantu pembaca mentafsirkan dengan tepat mesej karyanya.

Seseorang pengarang yang unggul akan cuba sedaya upaya menghasilkan karya yang benar-benar berjaya memberikan impak kepada masyarakat bahkan menampilkan imej kepengarangannya yang berbeza dengan pengarang lain. Impak ini dilihat wujud dalam karya mereka yang sarat dengan nilai dan falsafah hidup mengikut stail dan hasil kepengarangan seseorang pengarang sebagaimana menurut A. Halim Ali (2015:12) karya kesusasteraan Melayu merupakan warisan peradaban yang menawarkan pencernaan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan, nilai murni dan falsafah hidup. Dalam konteks ini, demi mencapai pengarang yang unggul dalam kepengarangan seseorang pengarang akan berusaha menampilkan unsur pembaharuan yang menjadi kekuatan kepada keperibadian pengarang.

Melihat betapa pentingnya kepengarangan sebagai sebahagian daripada dinamika sastera yang patut dipelajari, maka bukti ini jelas terkandung dalam sukatan dan huraian sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu sekolah menengah yang turut menjadi sebahagian daripada aspek pembelajaran utama perlu didedahkan kepada pelajar sekolah. Pembelajaran kepengarangan ini terkandung dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu bahagian B : Prosa - 2.0 iaitu menerangkan biodata pengarang prosa yang dikaji :

- 2.0 Menerangkan biodata pengarang prosa yang dikaji
 - 2.1. Menerangkan butir-butir peribadi pengarang.
 - 2.2. Menerangkan latar belakang kepengarangan, sumbangan, dan kejayaan pengarang.
- (Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu KBSM:2003)

Kajian ini wajar dan relevan untuk membuktikan keunggulan kepengarangan tokoh Sasterawan Negara ke-10 iaitu Anwar Ridhwan melalui dua buah novel yang terpilih iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan akan dibuktikan berdasarkan teori Teksdealisme melalui empat prinsipnya iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme yang akhirnya akan menemukan konsep baharu keunggulan. Bagi Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:54) menyatakan Anwar Ridhwan sebagai ikon penting dalam dunia kesusasteraan Melayu yang memperlihatkan latar belakang, keluarga, pendidikan, pekerjaan, aktiviti dan anugerah yang diterimanya, tercatat dalam laporan akhbar, penulisan-penulisan dalam bentuk makalah, wawancara atau kajian ilmiah tentang dirinya sebagai pengarang dan kepengarangannya. Demikian juga turut membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul sebagai bahan bacaan yang bermanfaat selain mengangkat tokoh Sasterawan Negara ke-10 sebagai ikon penyumbang ke arah keunggulan sastera tanah air.

OBJEKTIF

- i) Mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui teori Teksdealisme.
- ii) Menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dengan menggunakan teori Teksdealisme.



- iii) Mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan teori Teksdealisme.

KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai motif dan kepentingan kepada pihak tertentu. Kajian ini difokuskan kepada penulis novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* iaitu Anwar Ridhwan yang bertujuan untuk mengetahui unsur-unsur keunggulan kepengarangan yang terdapat dalam novel yang dipilih. Kepentingan kajian ini dapat dilihat daripada sudut berikut:

- i) Hasil kajian ini penting untuk mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*.
- ii) Kajian ini juga penting bagi para pengkaji dan penyelidik sebagai asas untuk memahami proses kepengarangan penulis yang dapat dijadikan panduan kepada penulis lain bagi mencapai tahap keunggulan.
- iii) Membantu pembaca memilih karya-karya yang unggul dan bermutu sebagai bahan bacaan ilmiah yang kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan
- iv) Mendorong pengarang untuk berusaha mempertingkatkan mutu penulisan karya supaya menjadi sebuah karya yang unggul dan bernilai kepada pembangunan institusi masyarakat.
- v) Hasil kajian ini penting sebagai rujukan kepada pengkaji dan penyelidik seterusnya.

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini meneliti tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dibuat berkenaan dengan kajian keunggulan kepengarangan, kajian berkaitan sasterawan Negara ke-10 Anwar Ridhwan dan kajian yang mengaplikasikan teori Teksdealisme. Tinjauan kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa faktor merangkumi unsur yang membina keunggulan kepengarangan, kajian berkaitan pengarang dan kajian berkaitan teori dan pendekatan yang mengukuhkan kajian iaitu teori Teksdealisme. Kajian kepengarangan dan proses kreatif dalam negara oleh Sulaiman Salleh (2014) telah membuat kajian tentang *Keberkesanan Komunikasi Kepengarangan*. Dalam kajiannya, ketepatan komunikasi penulisan perlu dititikberatkan untuk memastikan idea, kefahaman serta ilmu pengetahuan yang ada pada pengarang dapat disalurkan kepada pembaca sasaran dengan berkesan. Pada dasarnya, kajian Sulaiman menjurus kepada bukti hubungan yang rapat antara idea, kefahaman dan ilmu pengetahuan yang ada pada pengarang. Turut dibuktikan bahawa terdapat faktor lain bagi keberkesanan komunikasi kepengarangan iaitu pemikiran, kemahiran berfikir, kreativiti pengarang dan budaya. Hakikatnya, sumbangan kajian ini adalah untuk membuktikan ketepatan penulisan yang dihasilkan oleh pengarang selepas memperolehi sesuatu idea dan untuk mendapatkan kaedah yang sesuai bagi mencapai ketepatan terhadap komunikasi penulisan yang dilakukan.

Demikian juga Ghazali Din (2016) melalui kajian *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Proses Kreatif Teksnaluri* yang mengkaji proses kepengarangan seorang Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Secara kontekstual, kepengarangan penting bagi mengkaji hal-hal berkaitan dengan diri pengarang seperti latar belakang, karya-karya yang dihasilkan, idealisme serta pencapaian sepanjang hidupnya. Data kajian ini dibincang secara deskriptif berpandukan model proses kreatif teksnaluri yang menghubungkan-kait proses kreatif dengan cita-cita pengarangnya. Pada dasarnya, Ghazali Din merumuskan bahawa proses kreatif Teksnaluri mempamerkan pengaruh naluri terhadap proses kreatif dan kepengarangan Muhammad Haji Salleh melalui dorongan proses bawah sadar pengarang dalam pengembangan idea dan penggunaan diksi dalam puisinya. Meskipun, naluri terhadap rangsangan dalam diri mempengaruhi keintelektualan Muhammad Haji Salleh dalam sajaknya, pengkaji mencadangkan gagasan baru kepengarangan melalui prinsip naluri iaitu naluri kerohanian, naluri kemanusiaan, naluri kemasyarakatan, naluri keindividualan, naluri keintelektualan, naluri kealaman dan naluri keindahan. Daya taakulan dan sifat keintelektualan yang dimiliki oleh Muhammad Haji Salleh telah memperlihatkan kebijaksanaan naluri yang diterjemahkan dalam puisi yang membina keunggulan





kepengarangannya. Secara keseluruhan, kajian ini secara tidak langsung memberi manfaat untuk membangkitkan naluri-naluri lain yang diterjemahkan dalam proses kreatif melalui prinsip naluri dan perasaan terhadap daya kreatif dan keintelektualan pengarang.

Bagi kajian kepengarangan Salbiah Mustafa (2017) melalui kajian tentang *Analisis Keunggulan Novel Ratap Rabitah dalam Kepengarangan Aminah Mokhtar Berdasarkan Teori Teksdealisme* telah memperincikan beberapa aspek kepengarangan. Pengkaji meneliti keistimewaan pengarang menghasilkan novel melalui ciri dalam teori Teksdealisme bertujuan melihat keberanian dan pembaharuan pengarang dalam menampilkan aspek keunggulan. Pada dasarnya, kajian ini menjurus kepada analisis isi bagi membuktikan aspek keunggulan berdasarkan kepengarangan melalui kaedah deskriptif kualitatif. Pengkaji jelas membuktikan data yang diperoleh melalui analisis teks bagi mengenalpasti konsep teori yang digunakan merangkumi keunggulan dan keberanian serta empat teori Teksdealisme yang diperkenalkan iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Berdasarkan tiga kajian keunggulan kepengarangan mendapati bahawa pengaplikasian teori Teksdealisme sebagai keperluan membuktikan keunggulan kepengarangan seseorang pengarang. Kajian kepengarangan ini melihat keunggulan pengarang dalam mengangkat sastera berdasarkan kreativiti dan keintelektual pengarang dalam mempersembahkan karyanya. Kajian-kajian tersebut memberi gambaran masyarakat melibatkan pelbagai latar sosial masyarakat baik di dalam teks mahupun di luar teks. Pengkaji-pengkaji ini juga turut mengkaji atas dasar kepentingan dan keperluan untuk mengangkat seseorang tokoh pengarang dalam kedudukan sastera.

Kajian berkaitan Sasterawan Negara, Anwar Ridhwan pula dikaji melalui kajian S.M Zakir (2014) telah membuat kajian tentang *Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mutakhir Anwar Ridhwan*. Dalam kajiannya, konsep panopticon iaitu sebuah konsep yang dikemukakan oleh Bentham sebagai model penguasaan minda ke atas minda yang lain selain saranan Foucault yang turut menghuraikan panopticon kepada tiga teknik asas kawalan atau penguasaan iaitu pemerhatian hierarkikal, penyederhanaan pengadilan, dan pemeriksaan. Pengkaji melihat bahawa novel *Penyeberang Sempadan* sebagai suatu kuasa yang menjadi matlamat Anwar Ridhwan dalam membina makna baru dan doktrin kebenaran iaitu meletakkan Islam sebagai kebenaran mengatasi segala ideologi ciptaan manusia termasuk sosialis komunis dan demokrasi. kekuasaan pengarang melalui konsep panopticon yang telah menjadikan novel *Penyeberang Sempadan* sebagai karya kesusasteraan tinggi. Melalui kekuasaan pengarang telah mencetuskan pemikiran dan gaya naratif Anwar Ridhwan sekaligus membangunkan sebuah sistem nilai melalui karyanya itu. Namun, wujud kelompondan terhadap kajian ini yang hanya memandang sudut kekuasaan Anwar Ridhwan sebagai pemerhati dan pengawal yang berkuasa ke atas subjeknya sedangkan sebuah teks yang unggul sebagaimana dalam teori Teksdealisme memerlukan prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme pengarang itu sendiri. Tidak dinafikan kekuasaan pengarang menjadi salah satu ciri yang tampil dalam individualisme pengarang, malah menjadi lebih jitu jika pelanggaran juga dilihat sebagai kekuatan novel *Penyeberang Sempadan*.

Kajian berkaitan Anwar Ridhwan selanjutnya oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014) melalui kajian *Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan* yang telah diterbitkan dalam buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kajian ini melihat semiotik dalam novel pertama karya Anwar Ridhwan *Hari-hari terakhir seorang seniman* (1979), novel *Arus* (1985), dan novel *Di negeri Belalang* (1989) dengan menggunakan teori semiotik Peirce dan Morris. Aspek penemuan baharu dan penambahan untuk ikon, indeks, dan simbol serta beberapa konsep semiotik dilihat menjadi kekuatan kepengarangan Anwar Ridhwan. Pengkaji telah menggabungkan semiotik Peirce dan Morris yang memperlihatkan ketiga-tiga novel tersebut diteliti melalui sintaksis terlebih dahulu, kemudian semantik dan pragmatik. Seterusnya penggabungan ini melihat kepada sudut hubungan pengarang dengan karya selain melihat tujuan pengarang menghasilkan karya. Dapatan menunjukkan bahawa Anwar Ridhwan menggunakan simbol yang bersifat arbitrari dan konvensional. Demikian juga, Anwar Ridhwan memperlihatkan siratan makna yang baharu terhadap simbol-simbol yang ditampilkan dalam ketiga-tiga karyanya. Akhirnya, makna ini telah memperlihatkan tujuan Anwar Ridhwan menghasilkan ketiga-tiga novel tersebut. Bahkan, dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa hubungan Anwar Ridhwan dengan dunia nyata sebenarnya menceritakan sesuatu yang berlaku di dunia nyata secara kreatif dan imaginatif sebagai bentuk kepengarangan Anwar Ridhwan yang unggul. Menyedari semiotik sebagai salah satu aspek penting menampilkan keunggulan kepengarangan, namun aspek tersebut jika disesuaikan dengan pengukuhan unsur-unsur lain yang mendorong kepada kualiti teks, maka dapat menampilkan keunggulan dan



kualitinya yang didorong dalam prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualiti bagi mencerminkan karya yang unggul.

Kajian kepengarangan yang mengaplikasikan teori Teksdealisme turut dikaji oleh Mohd Nazri Zainuddin (2015) melalui kajiannya tentang *Novel Tengku Menteri dan Urih Pesisir Analisis Kepimpinan Berkualiti dengan Teori Teksdealisme*. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menganalisis konsep dan prinsip kepimpinan dalam novel melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan prinsip keindividualisme dalam teori Teksdealisme untuk membuktikan keunggulan pengarangnya. Pada dasarnya, kajian ini menjurus kepada kaedah analisis kandungan (content analysis) melalui reka bentuk kajian kualitatif. Ternyata hasil analisis membuktikan kepimpinan berkualiti wujud dalam watak Long Jafar, Ngah Ibrahim dan Kapten Speedy. Begitu juga novel *Urih Pesisir* yang wujud aspek kepimpinan berkualiti melalui watak Syarif Omar, Wan Idrus dan Paul Gray. Walaupun kepimpinan melibatkan keperibadian watak atau tokoh bahkan turut dipengaruhi oleh jawatan yang dipegang, kehadiran pengikut yang setia, kemudahan yang diberikan kepada masyarakat malah hubungan diplomatik pemimpin dengan pihak luar. Keseluruhan kajian ini membuktikan aspek-aspek kepimpinan berkualiti dalam kedua-dua novel tersebut hadir melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme yang memberi impak kepada keunggulan pengarangnya.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, beberapa pengkaji telah menghuraikan pendapat, saranan dalam membincangkan pandangan dan mengaplikasikan teori untuk dijadikan rujukan bagi membuktikan keunggulan seseorang pengarang. Kebanyakan kajian sastera yang lepas diperoleh oleh pengkaji dapat dijadikan manfaat dan nilai tambah bagi memperkenalkan kajian baharu dalam kepengarangan berlandaskan teori Teksdealisme yang dilihat relevan dengan objektif dan tujuan kajian ini dijalankan. Jika diteliti, kebanyakan pengkaji sastera dalam kepengarangan mengaplikasikan teori Teksdealisme bagi meletakkan pengarang pada kedudukan dan keunggulan dalam penulisannya. Walau bagaimanapun, bagi kajian-kajian lepas berkaitan tokoh Sasterawan Negara Anwar Ridhwan tidak menggunakan teori Teksdealisme bagi mengenal pasti dan membuktikan keunggulan kepengarangannya.

Teori Teksdealisme menekankan beberapa aspek untuk mengukuhkan kekuatan unsur penting yang mempengaruhi bentuk kepengarangan khususnya dalam kajian sastera ini iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Sumber dan data diperoleh daripada kajian-kajian lepas dan buku-buku ilmiah yang dijadikan rujukan berkaitan dengan tajuk yang dijalankan oleh pengkaji. Perkara yang dapat dikenalpasti ialah aspek kepengarangan sangat penting dalam mempengaruhi nilai sesebuah karya termasuk Anwar Ridhwan melalui novel kajian ini dan relevan mengaplikasikan teori Teksdealisme.

METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui penyelidikan deskriptif dalam kaedah kepustakaan. Bagi Mohd. Majid Konting (2005:96) penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamatkan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku untuk meneroka sesuatu bidang yang dikaji. Oleh yang demikian, kaedah kepustakaan digunakan dalam kajian kualitatif ini dengan mengumpul maklumat kepengarangan tentang mesej dan tujuan penciptaan merangkumi latar belakang, suasana persekitarannya, pengaruh dan ilmu sastera yang dimiliki dalam penghasilan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*.

Sebagai menyokong kajian ini, aplikasi teori Teksdealisme akan menjadi panduan dalam menganalisis dan mengukuhkan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* sebagai bahan kajian rintis. Instrumen penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah senarai semak yang digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri dan membuat catatan maklumat berdasarkan prinsip-prinsip teori Teksdealisme meliputi prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme.

Teori Teksdealisme digagaskan oleh Abdul Rahman Napih atau lebih dikenali sebagai Mana Sikana yang begitu aktif dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Bagi Halijah Jais (2004) Teksdealisme merupakan rangkuman dua perkataan iaitu teks dan idealisme iaitu definisi teks sebagai idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat idea atau keunggulannya. Menurut pelopornya pula, Mana Sikana (2013) teori Teksdealisme ialah usaha

menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya sastera dan kemudian mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya.

Bagi Abdul Halim Ali (2013) Teksdealisme dipercayai bahawa setiap pengarang memiliki dinamika kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang berusaha untuk memajukan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Oleh itu, Teksdealisme merupakan usaha berani pengarang melakukan transformasi dalam penulisan serta curahan idea dalam karya bagi mencerminkan keunggulan diri mereka dan dilihat berbeza dengan penulisan-penulisan lain. Bagi memiliki ciri keunggulan sesebuah teks, pengarang perlu mempunyai idea atau pengalaman yang baik untuk diterjemahkan bagi membentuk jati diri yang unggul dalam karya yang dihasilkan. Keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dapat dilihat melalui analisis aspek-aspek karya yang penuh dengan idea, kaya dengan unsur tertentu, pengalaman hidup, intelektualitinya dalam membentuk satu karya yang berkesan selain turut menemukan konsep keunggulan kepengarangan yang memberi kekuatan dalam dunia kepengarangan.

Sementara itu, data penelitian menggunakan kaedah kepustakaan merangkumi sumber bahan bacaan atau rujukan yang diperoleh dari penelitian tesis dan disertasi, jurnal, buku-buku rujukan dan sumber sesuai dalam internet sebagai kaedah kepustakaan. Sumber data kajian diperoleh melalui sumber primer Novel Naratif Ogonshoto dan novel *Penyeberang Sempadan* serta Sumber sekunder merangkumi bahan-bahan rujukan seperti tesis, jurnal, buku rujukan dan sumber internet.

Pengumpulan data melalui bahan kepustakaan menjadi bahagian yang penting dalam kajian bagi menerima sesuatu pernyataan hasil pengukuran atau pengamatan suatu variable. Data yang dikumpul dari instrumen kajian akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk kajian ini tidak memerlukan penggunaan pendekatan statistik sebaliknya memerlukan pengkaji menganalisis teks karya pilihan dari segi sejarah, latar belakang dan kehidupan pengarang mengikut kefahaman dan prinsip dalam teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme.

ANALISIS KEUNGGULAN KEPENGARANGAN NOVEL-NOVEL TERPILIH ANWAR RIDHWAN

Pendekatan teori Teksdealisme janaan Mana Sikana digunakan untuk menganalisis kajian yang dipilih. Teori Teksdealisme penting bagi membuktikan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam menganalisis novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* untuk mencapai objektif dan kepentingan kajian. Mana Sikana (2004) menegaskan bahawa Teksdealisme ialah usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya sastera dan kemudian mengangkat karya tersebut ke puncak idealismenya.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan melalui empat prinsip yang menjadi tunjang Teori Teksdealisme iaitu prinsip Kehadiran, prinsip Pelanggaran, prinsip Pengukuhan dan prinsip Individualisme. Keempat-empat prinsip Teksdealisme akan menampilkan keunggulan kepada pengarang, karya yang dihasilkan dan khalayak yang dapat meneroka, mengapresiasi serta menilai sesebuah karya mahupun pengarang. Prinsip teori Teksdealisme diaplikasikan untuk membuktikan aspek yang membina keunggulan serta melihat kesungguhan Anwar Ridhwan menghasilkan kedua-dua novel ini. Malah, bagi Abdul Halim Ali (2015:185) menyatakan bahawa keunggulan teks tidaklah menjadi matlamat tunggal yang dicari dalam teori ini sebaliknya perjalanan ke arah mencapainya juga memerlukan daya usaha yang kuat, berani, hebat dan luar biasa oleh pengarangnya. Justeru, segala perjalanan dan usaha yang ditunjukkan oleh Anwar Ridhwan perlu diteliti dengan lebih mendalam agar dapat membuktikan keunggulan serta menjadi salah satu ikon kepengarangan yang unggul di mata masyarakat serta dunia sastera tanah air. Berpaksakan keempat-empat prinsip ini turut menemukan suatu konsep baharu bagi membuktikan keunggulan kepengarangan seseorang pengarang yang unggul.

Kajian ini penting bagi memahami proses kepengarangan penulis yang dapat dijadikan panduan kepada penulis lain dan baharu untuk mencapai karya di tahap unggul. Malah, kajian ini membolehkan pembaca memilih karya-karya yang unggul dan bermutu sebagai salah satu bahan bacaan ilmiah untuk



pembentukan dan pembangunan masyarakat. Demikian juga memberi dorongan kepada pengarang untuk berusaha mempertingkatkan hasil karya demi mencapai sebuah karya yang benar-benar unggul. Keempat-empat prinsip teori Teksdealisme secara khusus telah memberi nafas baharu terhadap sumber dan idea penulisan sesebuah karya sastera yang mementingkan idealisme serta keunggulan.

PRINSIP KEHADIRAN

Merupakan prinsip pertama yang berperanan penting dalam Teksdealisme yang bukan sekadar memberi garis panduan kepada pengarang dan teks yang unggul, malah memberi garis panduan bagi menyediakan khalayak yang unggul. Muhammad haji Salleh (2005:182) menegaskan bahawa seseorang pengarang tidak mungkin hapus daripada karyanya, malah dia masih terus secara langsung memberi rupa, bentuk dan maknanya, dan juga menentukan sempadan sebenar teksnya. Pandangan ini membuktikan bahawa seseorang pengarang akan berusaha menggunakan kebijaksanaan untuk memilih idea atau sumber bagi menghasilkan sebuah teks yang unggul.

Peringkat ini mengalami proses kehadiran iaitu cara seseorang pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan daripada idea dan pengalaman hingga menjadikan teks dihasilkan benar-benar unggul. Peringkat kehadiran mempersoalkan apakah perkara yang dihadirkan?, tujuannya dan kesan kehadiran perkara tersebut kepada diri pengarang dan karya berkenaan. Mana Sikana (2006:101) menegaskan bahawa prinsip kehadiran memperlihatkan bagaimana pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan daripada idea dan pengalaman.

Analisis terhadap novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui prinsip kehadiran dilihat dari tiga perspektif utama iaitu kehadiran fakta-fakta dan sumbernya, bagaimana fakta tersebut hadir dan peranan serta fungsinya terhadap masyarakat sebagai pembaca. Pengalaman terhadap sesuatu peristiwa sangat penting dalam proses kehadiran kepengarangan Anwar Ridhwan yang menjadi idea dan sumber awal dalam mengolah dan menghasilkan karya yang unggul. Antara unsur yang jelas terdapat pada Anwar Ridhwan melalui kedua-dua novel ini adalah tentang pengalaman hidup atau sejarah yang dilalui, pengembaraan, pengalaman perkhidmatan, pengalaman kehidupan masyarakat dan pengalaman pembacaan dan penyelidikan.

Kehadiran pengalaman pengembaraan misalnya membuktikan bahawa Anwar Ridhwan bijak dan kreatif menjadikan pengalamannya sebagai sumber idea bentuk kehadiran penulisan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Pengembaraan yang dimaksudkan ialah perjalanan, siri jelajah, melancong dan atas dasar perkhidmatan. Sebagai tokoh Sasterawan Negara, Anwar Ridhwan sering mengembara ke luar negara seperti Jepun, China, Rusia, Arab Saudi, Mesir, Jordan, Amerika dan beberapa buah lagi negara luar yang menjanjikan peluang untuk dimanfaatkan sebagai sumber kehadiran penulisan karyanya.

Dalam kembaranya ke Jepun, telah memberi sumber dan idea untuk menghasilkan novel *Naratif Ogonshoto* yang menonjolkan kehidupan dan budaya masyarakat Jepun biarpun latar tempat iaitu Ogonshoto tidak terdapat dalam mana-mana peta dunia, namun mampu diamati oleh pembaca apabila negara Jepun sering disebut beberapa kali oleh Anwar Ridhwan dalam novel berkenaan. Oleh yang demikian, Anwar Ridhwan menghadirkan pengalaman dengan meletakkan pelbagai latar internasional dengan mesej dan persoalan kemanusiaan tanpa batas geografi. Novel *Naratif Ogonshoto* misalnya ditulis oleh Anwar Ridhwan setelah beliau mengembara dan melawat negara Jepun semasa beliau bertugas sebagai Profesor Tamu di Universiti Tokyo, Jepun. Menurut Mohd. Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013:374) novel ketiganya, *Naratif Ogonshoto*, 2001 adalah ilham daripada pengalamannya semasa berada di Jepun pada suatu masa dahulu. Biarpun novel ini menggunakan sebuah latar tempat yang tidak wujud, namun terdapat jelas nama-nama yang digunakan adalah seperti berdekatan dengan negara Jepun yang menjadi salah satu sumber pengembaraan seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Menurut cerita Tuan kawai kepulauan itu ditemui oleh pelayar-pelayar Jepun pada permulaan zaman Edo. Merekalah yang menamakan 'Ogonshoto' walaupun penduduk-penduduk asli telah memberi nama kepada setiap pulau: Gora-Gora, Rai-Rapa dan Futu-Ata. Sungguhpun kerajaan pada zaman Edo kemudiannya melarang pelayaran ke negara asing mulai tahun 1633- peringkat pertama Jepun memingit diri- kecuali kapal-kapal *Hosho-sen* yang diberi lesen





untuk berdagang, hubungan di antara Ogonshoto dengan Jepun tidak pernah terputus.

(*Naratif Ogonshoto*, 2009:3-4)

Turut memberi idea dan sumber penting dalam karya Anwar Ridhwan apabila berjaya menghidupkan siri kembaranya dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang dijelmakan melalui watak Kuay yang telah mengembara ke beberapa buah negara iaitu China, Rusia, Amerika, Jordan, Arab Saudi dan Mesir bagi mencari ideologi atau faham sejarah yang dibawa. Oleh yang demikian, Anwar Ridhwan memuatkan negara pengembaraannya dengan latar suasana yang baik dan berjaya mempamerkan gambaran, budaya dan masyarakat sebenar negara yang pernah dilawati dalam novel ini. Pengalaman pengembaraan ke negara-negara tersebut membolehkan Anwar Ridhwan memperoleh maklumat dan idea bagi melengkapkan sumber dan proses penghasilan novel *Penyeberang Sempadan*. Demikian ditegaskan oleh Mana Sikana (2006:77) dari maklumat dan idea itulah pengarang melakukan penyaringan, pemilihan, penyesuaian dan pemaknaan bagi memantapkan teks yang dihasilkan. Perkara ini dibuktikan apabila Anwar Ridhwan memuatkan negara-negara tersebut dengan latar suasana yang baik dan berjaya mempamerkan gambaran sebenar negara yang pernah dilawati sebagaimana dikesan hasil sumber pengembaraannya ke negara China dalam petikan berikut:

Diam tak diam, sudah lebih tiga bulan aku berada di Peking. Bandar yang berkembang daripada kota purba, dulu sepurba Xian, Luoyang dan Kaifeng. Aku telah menjejakkan kaki di Peking, kota yang dahulu punya beberapa nama: Zhongdu. Dadu. Beiping. Aku menjejakkan kaki di Peking pada hari Rabu, 7 Oktober 1954, dibawa dengan kereta api dari Shantou.

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:163)

Pengalaman melalui kehidupan masyarakat turut mempengaruhi bentuk kepengarangan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang berjaya mempamerkan entiti saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam Kajian Ghazali Din (20016:237) menyebutkan bahawa naluri kemasyarakatan seseorang pengarang ditafsirkan sebagai keinginan pengarang menyampaikan segala pengalaman atau pengamatan yang akan dilihatnya tentang perlakuan masyarakat yang tidak boleh dipisahkan dengan idea pencipta pengarang. Kedua-dua novel ini bertemakan kemasyarakatan yang relevan dijadikan panduan bagi setiap generasi yang hidup bermasyarakat serta menjadikan Anwar Ridhwan memperoleh idea dan sumber bagi menonjolkan realiti kehidupan sosial masyarakat setempat dengan jelas dan nyata.

Novel *Naratif Ogonshoto* memaparkan realiti kehidupan masyarakat berkaitan politik, perjuangan, konflik, ekonomi dan unsur alam sebagai sumber kehidupan sosial dan pengalaman masyarakat selama tiga tahun berada di Jepun serta kehidupan masyarakat yang dilalui. Justeru, bagi Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:69) *Naratif Ogonshoto* telah membawa penulisan Melayu yang keluar daripada kepompong Melayu, meneroka dan mengutarakan suara baru Asia dengan gaya tarikan antarabangsa dengan unsur universalisme dan kekuatan kemanusiaannya yang menghadirkan sumber dan idea kepada Anwar Ridhwan bagi memberi penegasan kepada pemimpin khususnya melalui bukti dalam petikan berikut:

“Kapitalisme telah dipilih, tetapi rakyat Ogonshoto tak mampu bertanding dengan bebas dan adil mencapai matlamat keuntungan. Demokrasi telah dipilih, tetapi rakyat Ogonshoto tidak tahu apakah itu pertandingan bebas, persaingan adil, atau pemerintahan yang lebih baik. Bagi mereka, hidup baik itu ialah dengan pelajaran sederhana, ada rumah kecil, cukup pakaian, cukup makanan, meneruskan tradisi dan dapat menghadapi ribut taufan pasifik”.

(*Naratif Ogonshoto*, 2009:19)

Demikian juga dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang membawa cita-cita Anwar Ridhwan mengangkat bangsa dan negara dengan membawa bentuk ideologi dan pegangan seperti komunisme, sosialisme, demokrasi dan pegangan Islam yang menjadi dilema kepada prinsip pegangan masyarakat bagi memenuhi kehidupan yang sempurna. Bagi Anwar Ridhwan dalam Mohd. Yusof Hasan dan Siti





Khariah Mohd. Zubir (2013:374) beliau berhasrat melahirkan karya besar yang mengangkat cita-cita bangsa dan negara. Oleh yang demikian, cita-cita bangsa yang dihasratkan tidak dapat lari daripada pengalaman kehidupan masyarakat yang diperoleh Anwar Ridhwan dalam membawa bentuk ideologi dan kepercayaan seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi. Pengalaman semasa berada pada zaman penjajahan dan sebelum merdeka telah memberi idea dan sumber untuk membangkitkan pegangan atau ideologi masyarakat waktu berkenaan sebagai salah satu cara untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah. Realitinya, masyarakat yang digambarkan Anwar Ridhwan melalui watak Kuay, Bung Suradi dan Meor telah dipengaruhi oleh ideologi komunis bagi membebaskan diri dari cengkaman penjajah dan perjuangan menuntut kemerdekaan. Anwar Ridhwan membangkitkan kehidupan masyarakat waktu sebelum merdeka yang menghadapi kekeliruan identiti dengan menerima segala bentuk ideologi bagi segera mencapai kemerdekaan dengan memperjuangkan hak dan segala bentuk penjajahan daripada cengkaman Jepun dan Inggeris dengan membelakangkan ajaran dan pegangan Islam sebagaimana penerimaan Kuay terhadap ideologi komunis dalam petikan berikut:

“Terpesona benar aku dengan ucapan Pak Suparto. Kalau Nahdatul Ulama boleh berganding bahu dengan Parti Komunis Indonesia untuk menghalau Belanda dan Jepun, mengapa tidak aku juga? Kuay dari Kuala Tuntung ini yang telah belajar agama Islam dan beberapa kali khatam al-Quran, mengapa tidak bergabung, katakanlah dengan Parti Komunis Malaya, jika itu merupakan gandingan yang sesuai untuk menghalau Inggeris Malaya?”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:40)

PRINSIP PELANGGARAN

Turut membuktikan keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Kedua-dua novel ini diperkukuhkan melalui tiga persoalan sebagai hasrat membuktikan keunggulan pengarangnya. Persoalan pertama merujuk kepada apakah aspek pengekaln dan transformasi dalam kedua-dua teks berkenaan?, bagaimanakah prinsip ini dilakukan oleh Anwar Ridhwan?, dan apakah peranan serta impak terhadap pembinaan teks tersebut?. Melalui prinsip ini telah mendorong keberanian Anwar Ridhwan melakukan transformasi terhadap struktur instrinsit dan ekstrinsit karya tersebut yang menampilkan perubahan terhadap karya sebelumnya serta karyanya dengan kepengarangan penulis lain.

Sifat keberanian melakukan transformasi kepengarangan Anwar Ridhwan mencetuskan idea dan keyakinan bagi menghasilkan identiti kedua-dua novelnya. Keberanian yang dimaksudkan ialah mengubah bentuk konvensi sastera sebelumnya melalui pelanggaran struktur kedua-dua novel ini yang mengandungi makna yang berlapis-lapis untuk difahami dan dikaji oleh pembaca. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:66) menegaskan bahawa Anwar Ridhwan tidak gemar menulis cerita yang mempunyai makna selapis, sebaliknya beliau lebih suka sesebuah cerita itu mempunyai makna yang berlapis-lapis (*ibid*).

Antara unsur pelanggaran yang membuktikan keberanian Anwar Ridhwan adalah dilihat dari sudut tema dan persoalan yang dikemukakan, pelanggaran dari segi watak dan perwatakan, pelanggaran teknik serta pelanggaran nilai kemanusiaan. Keempat-empat unsur pelanggaran ini menjelaskan proses transformasi terhadap bentuk konvensi sastera sedia ada sebelumnya. Pelanggaran tema dan persoalan misalnya menjadi intipati kepada Anwar Ridhwan mengetengahkan unsur falsafah kehidupan manusia yang kaya dengan simbolisme atau perlambangan yang mencerminkan citra atau jati dirinya serta sumber pengalaman yang diperoleh dengan penuh keberanian dan intelektual.

Tema dan persoalan kedua-dua novel ini dipengaruhi pengalaman sejarah hidup dan perkhidmatan yang telah dibuktikan pada prinsip kehadiran. Mengambil kira pengalaman yang diperoleh semasa berada di Jepun, Anwar Ridhwan berani mengemukakan tema tentang pemerintahan politik yang turut disampaikan dengan penuh simbolisme dan perlambangan dalam setiap bab dan peristiwa novel *Naratif Ogonshoto*. Kamarudin Jeon (2017:11) juga memetik pandangan Mohd. Yusof Hasan (2000) bahawa persoalan *Naratif Ogonshoto* tentang politik, kuasa, kasih sayang, taat setia dan lain-lain disampaikan melalui perlambangan, juga temanya yang unik dan plot yang penuh teknik dan bahasa yang baik dan menawan. Malah, bagi Mohamad Saleeh Rahamad (2005:74) menyatakan bahawa tema dan



persoalan *Naratif Ogonshoto* telah muncul sebagai teks yang dapat berdiri sendiri sebagai teks pascamoden multiwacana-pascakolonial, tekstualisme baharu, dan realisme magis.

Orang-orang Presiden, setelah mendapat restunya, merancang untuk membangunkan pedalaman Tubua – dari pertemuan tiada sungai di daratan Tubua sampailah ke kaki gunung berapi Gora-Gora. Untuk membina jalan, pinggang-pinggang bukit harus ditarah dan pokok-pokok hutan ditumbangkan. Jalan itu kelak akan membawa pelancong-pelancong terus ke kaki gunung berapi, tempat sebuah kompleks hiburan dan perjudian akan didirikan. Di antara alasan orang-orang Presiden ialah pedalaman Tubua merupakan kawasan yang belum dibangunkan di barat Gora-Gora.

(*Naratif Ogonshoto*, 2012:43-44)

Petikan di atas menunjukkan salah satu penceritaan yang disampaikan secara simbolisme dengan memaparkan tema pemerintahan politik. Keberanian Anwar Ridhwan mengemukakan tema pemimpin politik yang bergelut dengan budaya masyarakat tempatan dilihat berjaya menyampaikan mesej dan kritiknya terhadap pemimpin yang sanggup menggadaikan kemusnahan alam sekitar dan budaya setempat demi mengejar pembangunan, populariti dan kemewahan diri serta para pengikutnya. Bab Kolonial, Penyamaran, Aisberg dan Jari dalam novel *Naratif Ogonshoto* sarat dengan tema pemerintahan politik yang mementingkan diri sendiri tanpa menjaga kepentingan masyarakat, budaya dan alam sekitar. Malah, tema pemerintahan politik yang bersifat kejam dan rakus demi mengejar kuasa juga jelas disimbolkan Anwar Ridhwan secara berani khususnya mengkritik pemimpin yang hanya mengejar pangkat dan sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan jawatannya

Anwar Ridhwan turut berani mengemukakan tema dan persoalan berkenaan pengembaraan dalam novel *Penyeberang Sempadan* untuk mencari ideologi dan fahaman yang terbaik untuk dibawa dan dijadikan sempadan serta teladan kepada diri watak dan masyarakat untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Hasil daripada mengamalkan beberapa fahaman ciptaan manusia seperti fahaman Komunisme, sosialisme dan demokrasi akhirnya tidak sepadan dan sesuai diamalkan sepenuhnya berbanding ajaran Islam yang serba lengkap dan sempurna untuk dijadikan panduan. Anwar Ridhwan tampil berani mengutarakan tema sedemikian dan cuba mengangkat ajaran Islam disebalik ikhtiar Kuay mencari fahaman yang kononnya mempunyai kelebihan dan keistimewaan sendiri. Bagi S.M. Zakir (2014:73) menyatakan dengan kekuasaannya terhadap teks, pengarang membangunkan sistem tandanya yang tersendiri seterusnya mewujudkan arena perjuangan dalam menentukan makna dan kebenaran. Kekuasaan ini menjadikan Anwar Ridhwan berani menampilkan tema pengembaraan Kuay dalam perjuangan menentukan kebebasan dan kebenaran. Antara bukti yang jelas memperlihatkan salah satu keberanian Anwar Ridhwan mengetengahkan tema sedemikian dilihat dalam petikan berikut:

“Pak Suparto mempunyai daya tarikan yang hebat apabila berpidato. Antara kata-katanya yang masih kuingat ialah, “Saudara-saudara, inikan bumi kita! Tanah air kita! Hak kita dan hak anak cucu kita! Mengapa biarkan orang asing menduduki tanah air kita? Merampas hak-hak kita? Jadi kewajipan kitalah untuk berjuang. Di Indonesia, parti komunis dan Nahdatul Ulama telah bersatu untuk menyingkirkan Belanda. Kemudian Jepang! Nah, hanya wajar diingat, parti komunis itu hanya nama sebuah parti, berbeda dengan fahaman komunis. Kita kan Islam. Jadi kita hanya bekerjasama dengan parti. Parti komunis. Bukan fahamannya!”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:39-40)

Anwar Ridhwan turut berani membawa pembaharuan dalam pelanggaran dari segi watak dan perwatakan yang menampilkan pelanggaran hukum konvensi sedia ada. Secara lazimnya, watak utama digerakkan dengan sifat protagonis atau watak baik bagi mencerminkan personaliti dalam penggerak cerita. Namun, pelanggaran watak dilakukan dengan mengangkat watak di luar jangkaan atau antagonis sehingga memberi kekuatan hingga mengangkat watak tersebut sebagai cerminan masyarakat. Sifat ini diambil dari sudut pelanggaran pelopor teori Teksdealisme yang menurut Abdul Halim Ali (2015:187) Mana Sikana telah kembali kepada watak klasik Melayu iaitu Hang Tuah-jebat dalam mengkonsepsikan



sifat keberanian dan kebijaksanaan. Sihat keberanian pada watak Hang Jebat telah dilihat menjadi kekuatan kepengarangan hingga meletakkan Jebat di tempat yang tinggi.

Dalam novel *Naratif Ogonshoto*, Anwar Ridhwan berani menampilkan watak utama yang terdiri daripada pemerintah atau Presiden sebagai watak antagonis atau diistilahkan sebagai watak yang bermasalah atau jahat. Pententangan dalam mengemukakan watak sebegini dilihat sebagai suatu pembaharuan dalam mengangkat dan memberi kritikan terhadap golongan pemerintah untuk tujuan pengajaran dan suri teladan kepada pemerintah dalam menjalankan amanah rakyat. Dengan beraninya juga, Anwar Ridhwan menjadikan watak utama iaitu presiden tanpa memberikan sebarang nama khusus kepada watak tersebut seolah-olah memberi gambaran atau imej terhadap sesiapa sahaja pemimpin yang mengamalkan corak pemerintahan sepertimana yang digambarkan. Secara tidak langsung melalui watak presiden yang disembunyikan namanya telah membawa perwatakan yang jelas memperlihatkan kritikan terhadap pemimpin yang zalim yang akhirnya diakhiri dengan hukum karma iaitu bencana alam hingga memusnahkan kepulauan Ogonshoto. Sebagai contoh peristiwa yang menggambarkan salah satu sikap pemimpin yang zalim dan menipu rakyat adalah seperti berikut:

“Tidak satu pun raungan arus bawah tercatat dalam biografi-biografi Presiden, yang menurut beberapa sumber, ditulis oleh para pengarang yang mendapat imbuhan sangat lumayan daripada Presiden sendiri. Jadi, belum ada sebuah pun buku biografi itu yang dianggap betul-betul autoritatif. Riwayat Presiden sedari kecil sampai sekarang, tidak ada cacat celanya, seperti kain putih yang dikeluarkan dari gedung, tetaplah putih bersih selama berpuluh-puluh tahun. buku-buku itu seperti merakamkan sejarah dewa ghaib yang harus dipercayai eksistensi serta peranan manusiawinya”.

(*Naratif Ogonshoto*, 2012:8)

Begitu juga dalam novel *Penyeberang Sempadan* telah mewujudkan ideologi sebagai subjek utama melalui watak bagi membangunkan pemikiran yang khusus dan secara tidak langsung menampakkan kekuasaan yakni keberaniannya dalam novel ini. Watak yang dipenuhi dengan ideologi atau fahaman dikemukakan melalui watak utamanya Kuay jelas memperlihatkan pembaharuan dalam gaya naratif kepengarangan Anwar Ridhwan mengekstensikan kisah anak muda iaitu Kuay yang lantang dan bangkit untuk menentang penjajah sebagaimana yang telah dilalui oleh Anwar Ridhwan ketika zaman penjajahan. Ekoran terdesak dan berkeinginan tinggi menentang penjajahan, maka Kuay mengambil jalan kiri dengan menyertai fahaman perikatan kiri bagi membawa fahaman komunis hingga merasakan fahaman tersebut tidak sesuai dan beralih arah kepada ideologi atau fahaman demokrasi-kapitalis yang berpusat di Moscow, Rusia. Perubahan ideologi tersebut berlaku seiring dengan kehendak watak utama yang telah berhijrah dari satu negara ke benua negara yang berbeza bagi mencari ideologi yang sesuai untuk diamalkan. Kekeliruan jati diri watak Kuay terus berlaku apabila merasakan ideologi terhadap demokrasi-kapitalis dianggap kosong dan beralih kepada pegangan demokrasi di Amerika Syarikat. Akhirnya ideologi tersebut juga gagal menjiwai pegangan Kuay sehingga pertemuannya dengan Shafi'aa iaitu perempuan Palestin yang berjaya menemukan ideologi Islam sebagai fahaman terbaik dan matlamat perjuangan yang harus dipegang sebagaimana yang dipetik dalam novel tersebut..

“Segala hujah Shafi'aa meresap ke dalam sukma, seperti air yang tumpah di perdu pohon yang sedang layu, yang amat memerlukan zat basah bagi menyegarkannya kembali. Benar kata Shafi'aa, *isme* buatan manusia baik yang disebut komunisme, sosialisme, dan hatta demokrasi, tetaplah ciptaan manusia yang tidak sempurna. Yang sempurna hanya Tuhan. Teraslah betapa tololnya aku selama ini, mendewakan *isme* ciptaan manusia yang fana”.

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:366-367)

PRINSIP PENGUKUHAN

Prinsip ini membawa erti dan makna yang dalam menunjukkan kematangan Anwar Ridhwan dalam menghasilkan kedua-dua novel ini. Bagi Mana Sikana (2013:127) menegaskan prinsip pengukuhan





sebagai pematangan teks oleh pengarang demi menghasilkan teks yang terunggul. Pengukuhan pengarang menghasilkan teks dibuktikan melalui hasrat, harapan, keinginan dan cita-cita melahirkan teks yang unggul dan mencapai tahap keunggulan. Demikian juga Anwar Ridhwan yang berusaha melakukan perubahan konvensi untuk menulis lebih baik daripada karya sebelumnya serta lebih baik daripada penulis-penulis lain.

Anwar Ridhwan mengaplikasikan kaedah prinsip pengukuhan dalam novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* dengan memuatkan unsur-unsur baru yang belum dan dimuatkan oleh pengarang sedia ada dalam berkarya yang disampaikan secara perlambangan dan simbolisme. Aspek pengukuhan dianalisis melalui tiga persoalan bagi melihat kekuatan unsur demi mencapai tahap keunggulan teks. Pertama persoalan apakah usaha pengukuhan yang dilakukan pengarang?. Kedua, bagaimanakah prinsip pengukuhan dilakukan?, dan ketiga apakah fungsi dan kesan prinsip pengukuhan?. Melihat kepada pengukuhan terhadap kedua-dua teks ini, Anwar Ridhwan memuatkan unsur baharu iaitu pengukuhan nilai murni yang berbeza dengan penulisan sebelumnya serta penulis-penulis lain.

Tidak dinafikan semua teks atau karya sastera yang dihasilkan setiap pengarang sarat mengandungi nilai-nilai murni yang menjadi tunjang kepada khalayak. Perkara yang membezakan dan menjadi pengukuhan terhadap penulisan Anwar Ridhwan berkaitan nilai murni adalah apabila beliau memuatkan nilai-nilai tersebut secara penuh perlambangan dan simbolisme. Novel *Naratif Ogonshoto* sememangnya memperihalkan persoalan tentang politik, kuasa pemerintahan, kesetiaan dan kepentingan alam sekitar. Anwar Ridhwan menyampaikan peristiwa ini secara simbolisme dengan mengkritik sikap sesetengah pemimpin yang mementingkan diri sendiri dan kejam bagi mengekalkan pengaruh dan kuasa yang dimiliki. Dalam erti kata lain, nilai-nilai murni ini menjadi suatu perkara penting dalam pengukuhan terhadap beberapa peristiwa bertujuan untuk mendidik lapisan masyarakat. Antara nilai murni yang diperkukuhkan termasuklah keadilan, baik hati, kasih sayang, keberanian, kebebasan, kejujuran, kesyukuran, jati diri, patriotisme, rasional, kegigihan, ketaatan, kesabaran dan mencintai alam sekitar. Semua nilai yang dikesan dalam novel ini pula digarap dalam bentuk perlambangan sebagaimana contoh yang menunjukkan nilai keadilan dalam petikan berikut:



“Mereka, orang-orang Presiden itu, semakin mengerti akan falsafah serta pemikiran Presiden – yang terdidik di sebuah negara demokrasi sekali gus negara kapitalis Eropah – tentang erti kemajuan dan kekayaan menurut kerangka kapitalisme. Dibenarkan, oleh Presiden dan ajaran kapitalisme itu sendiri, setiap individu berlumba-lumba mengumpul kekayaan. Ini berbeza sekali dengan pemikiran rakyat Ogonshoto bahawa masyarakat harus kaya, bukan individu. Alangkah dangkalnya fikiran rakyat, yang seolah-olah mahu membina masyarakat kaya melalui budaya dan gerak komunal! Lihat saja kegiatan rakyat yang suka berkumpul-kumpul mengisi masa lapang; bukankah itu tidak cocok untuk mengasah bakat individu menurut kapitalisme? Biarlah rakyat Ogonshoto yang sedang bermimpi akan masyarakat kaya itu terus dengan igauannya”.



(*Naratif Ogonshoto*, 2012:21)

Anwar Ridhwan secara perlambangan turut menyelitkan unsur nilai murni menjangkau perlakuan dan percaturan politik dengan mengaitkan unsur alam atas dasar menekankan prinsip nilai murni mencintai alam sekitar yang akhirnya menjadi faktor kemusnahan sesebuah pemerintahan dan negara. Pengukuhan nilai murni dalam novel ini menampilkan aura positif yang dapat menjadi panduan dan contoh teladan kepada pembaca. Kamarudin Jeon (2017:209) menyatakan bahawa penggarapan nilai-nilai murni dalam novel ini dapat membina keperibadian murni pelajar dan dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Demikian juga pengukuhan nilai murni dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang telah mengangkat nilai jati diri untuk berjuang dan membawa kebenaran untuk hidup merdeka dan sempurna. Malah Anwar Ridhwan memuatkan nilai jati diri bagi memastikan pegangan seseorang tidak terpesong dengan ideologi atau pegangan hasil ciptaan manusia seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi. Maka, Anwar Ridhwan memperkukuhkan bahawa pegangan Islam adalah agama yang cukup sempurna





diamalkan sebagai tunjang kehidupan masyarakat yang sejahtera. Anwar Ridhwan secara simbolisme membawa sejarah perjuangan nasionalisme Melayu daripada sudut yang berbeza atas dasar pengukuhan nilai murni yang dibawanya hingga merungkai persoalan sejarah negara dari sudut naratif baharu. Oleh yang demikian, kelebihan Anwar Ridhwan menjadikan nilai murni jati diri ini telah menjadi pengukuhan dalam kepengarangannya.

Perkara yang mengukuhkan aspek nilai murni jati diri novel ini adalah dengan menceritakan sejarah dalam memperjuangkan nasionalisme Melayu dari sudut yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk merdeka dan membebaskan diri dari cengkaman serta pengaruh penjajah. Ideologi komunis, sosialis, dan demokrasi menjadi persoalan penting bagi memastikan jati diri manusia berada dalam landasan yang sempurna untuk diamalkan. Justeru, Anwar Ridhwan menguatkan dengan fahaman dan ajaran Islam sebagai panduan yang paling sempurna untuk dipegang dalam memperjuangkan kebebasan. Lebih-lebih lagi Anwar Ridhwan ingin memastikan jati diri masyarakat agar tidak terpesong dengan fahaman atau ideologi ciptaan manusia sendiri untuk berjuang sedangkan Islam satu-satunya agama yang cukup sempurna untuk diamalkan. Gambaran yang memerincikan nilai jati diri dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

“Kuay sedar dia telah melalui jalan sejarah, menyeberangi sempadan ideologi demi ideologi, dan hasilnya dia dapat melihat bagaimana komunisme, sosialisme, demokrasi dan pihak-pihak tertentu, mempunyai dasar serta sebab tersendiri untuk mentakrif sesuatu, bagi dipercayai. Masih salakah dia jika pada akhirnya mengakui fahaman Islam, dan berhasrat membangun rupa serta jiwa bangsa negaranya sebagai suatu proses yang berterusan, pada hal itu diperjuangkan sejak ketika dia masih dalam *exile*?”

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:447)

PRINSIP INDIVIDUALISME

Individualisme merupakan prinsip terakhir dalam teori Teksdealisme yang menjadi kemuncak perbincangan karya Anwar Ridhwan. Seseorang pengarang mempunyai falsafah tersendiri dan berusaha menghasilkan karya bagi mewakili diri mereka serta berhasrat menghasilkan karya yang luar biasa dan lain daripada yang lain. Maka, pengarang akan berusaha mencapai tahap keunggulan karya setelah mempertimbangkan segala proses dan bentuk karya yang dihasilkan. Abdul Halim Ali (2015:186) menyatakan bahawa individualiti atau juga disebut sebagai kesendirian merupakan puncak kepengarangan dalam Teksdealisme yang menandakan bahawa pengarang sudah mencapai tahap keunggulannya, manakala teks yang dihasilkannya pula menjadi teks yang unggul.

Empat kriteria utama prinsip individualisme dikesan dalam Teksdealisme iaitu daripada sudut subjektiviti, stail individu, rekacipta individu, kendirian dan tindakan individu. Keempat-empat kriteria ini menjadi nadi kepada individualiti pengarang demi mencapai tahap keunggulan karya termasuklah Anwar Ridhwan. Dengan berpaksikan kepada empat kriteria ini, diyakini bahawa Anwar Ridhwan menghasilkan kedua-dua novel ini atas dorongan pada sesuatu yang menarik perhatian naluri kepengarangannya sehingga memperlihatkan identiti keunggulan karya yang dihasilkan.

Proses individualisme pengarang adalah suatu usaha berterusan yang tidak ada titik noktahnya. Perihal ini dilihat sebagai salah satu proses penerokaan, pematangan dan penyempurnaan hasil karya seseorang pengarang demi membentuk jati diri yang unggul. Anwar Ridhwan menjadikan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* sebagai platform agar suara batinnya didengari selain sifat personal yang dimiliki untuk mengutarakan segala sifat intelektual dalam kedua-dua novel tersebut. Sehubungan itu, demi mencapai tahap individualisme kepengarangannya, maka dibuktikan bahawa Anwar Ridhwan telah melakukan pemantapan diri dan teks, membentuk keperibadian dari segi gaya bahasa dan membina stailistik dan persembahan novelnya.

Anwar Ridhwan memiliki sifat individualiti dan unggul sehingga novel *Naratif Ogonshoto* terpilih sebagai satu-satunya teks novel Kesusasteraan Melayu tingkatan empat dan lima sekolah menengah untuk dikaji dan difahami maksudnya. Novel ini turut diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan beberapa bahasa lain. Stailistiknya dilihat menjadi keunggulan individualiti yang sarat mengandungi pengungkapan yang ditafsir dalam bentuk makna





siratan atau secara simbolisme. Novel ini dikategorikan sebagai karya yang kompleks yang memerlukan pembaca dipaksa mencari makna yang tersirat di bawah lapisan naratif cerita yang disampaikan. Bagi Mohamad Saleeh Rahamad (2005:74) menegaskan bahawa novel ini tidak memberikan makna yang pasti atau bersifat polos, sebaliknya pelbagai tafsiran dapat diberikan lantaran kekompleksannya. Situasi sama turut dibincangkan oleh Mawar Shafei (2010:164) yang menyatakan bahawa Naratif Ogonshoto sarat dengan latar disiplin politik seperti mana yang disimpulkan secara keseluruhan lewat tema dan pemikiran utama yang diutarakan pengarang hingga menjadikannya kompleks.

Jika diperhatikan sikap sesetengah pemimpin pada hari ini bukan sahaja di negara kita, malahan beberapa buah negara menjadi persoalan berkaitan tugas dan tanggungjawab sebenar atas khidmat kepada masyarakat demi membawa suara dan menjadi nadi kepada rakyat. Bahkan, suara dan hasrat masyarakat diendahkan dan sekalipun bersuara atau cuba mengkritik, maka masyarakat akan dihukum biarpun mengemukakan perkara yang betul dan benar. Peristiwa ini jelas ditonjolkan dalam Naratif Ogonshoto melalui bab Jari yang mengisahkan seorang guru yang berani mengkritik pemimpin atas dasar demokrasi telah mengamalkan pemerintahan kuku besi, amalan rasuah dan menjual daratan Ogonshoto kepada pihak luar hingga rakyat sendiri hidup dalam kesusahan dan hilang pemilikan status hak milik tanah sendiri. Justeru, secara realitinya peristiwa ini distailistikkan dengan penuh perlambangan dengan sikap pemimpin hari ini sepertimana dalam petikan berikut:

“Bekas musuh-musuh politik presiden, setelah menerima kurnia tanah daratan, terus melupakan perjuangan asal kerana mulai belajar hidup senang-lenang. Mereka membangunkan daratan masing-masing dengan bantuan pelabur asing; atau terus menjual daratan mereka kepada orang-orang Amerika atau Eropah. Harga tanah daratan tiba-tiba naik berlipat ganda, yang tidak dijangkau lagi oleh majoriti natif Ogonshoto. Aku menyoal, mengapakah pemerintahan Ogonshoto tampaknya lebih memihak kepada segelintir orang, berbanding majoriti natif Ogonshoto yang lebih dahaga akan tanah daratan dan kehidupan lebih baik?”.



(*Naratif Ogonshoto*, 2012:142-143)

Stailistik yang dipengaruhi ideologi realisme turut dibuktikan dalam novel *Penyeberang Sempadan* yang mencerminkan sesuatu peristiwa yang benar-benar berlaku dalam kehidupan yang pernah dilalui oleh Anwar Ridhwan sebagai salah satu individualisme bentuk kepengarangannya. Anwar Ridhwan membangunkan stailistik novel *Penyeberang Sempadan* dengan mengaitkan hubungan kehidupan sejarah serta amalan atau ideologi yang sesuai untuk dipegang dengan fitrah pegangan ajaran Islam. Stailistik ini memperlihatkan keberanian Anwar Ridhwan mempersembahkan penceritaan dengan memberi simbolik dan perlambangan melalui pelbagai ideologi yang dibawa melalui watak Kuay untuk mencari kebebasan memerdekakan negara hingga terpaksa merantau ke semua benua bagi memperoleh sesuatu pegangan yang benar-benar sesuai untuk diamalkan oleh masyarakat sebagai suatu pegangan yang sempurna.

Secara simbolik dan perlambangan, Anwar Ridhwan memperingatkan bahawa tiada konsep pegangan yang sempurna melainkan kembali berpegang kepada ajaran Islam walau sejauh mana mencari kesempurnaan untuk di amalkan demi kebebasan dan keharmonian masyarakatnya. Anwar Ridhwan (2016:226) menyatakan bahawa peranan khalifah untuk memajukan diri dan masyarakatnya bersesuaian sekali dengan peringatan Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam surah *ar-Ra'd* ayat 11 yang membawa maksud Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum kecuali jika mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri. Dalam hubungan ini Anwar Ridhwan begitu menekankan konteks agama Islam sebagai fitrah yang harus dijadikan panduan dan diamalkan bagi memerdekakan dan memajukan diri serta masyarakat. Kecelaruhan dalam menentukan pegangan hidup menjadi suatu perlambangan yang disampaikan dengan keberanian stailistik terhadap realisme yang benar-benar berlaku yang akhirnya diselamatkan oleh ajaran Islam sebagaimana petikan surat dalam novel berikut:

“Melalui seorang kenalan, aku temui Islam yang benar, indah dan sesuai sepanjang zaman. Lebih daripada itu, segala sistem serta hukumnya amatlah lengkap, adil dan meliputi semua cabang kehidupan umat manusia”.





“Kesturi, aku mahu Kesturi mengubah pembangunan di Kuala Tuntung dan sekitarnya: Daripada Komunis-sosialis-demokratik ala Amerika kepada Islam”.

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:392-393)

Pemantapan diri dalam dunia kepengarangan Anwar Ridhwan dilaksanakan secara konsisten malah secara berterusan belajar untuk terus memantapkan diri dari masa ke masa bagi melahirkan karya yang unggul. Mengambil kira sejarah pengkaryaan novel *Naratif Ogonshoto* dihasilkan setelah berjaya menerbitkan novel pertamanya *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*, novel *Arus*, dan novel *Di Negeri Belalang*. Tidak dinafikan novel *Hari-hari terakhir Seorang Seniman* buat julung kalinya telah melonjakkan nama Anwar Ridhwan dalam dunia kepengarangan novel dekat 1970-an yang telah merangkul hadiah pertama dalam novel GAPENA.

Berpegang kepada aliran realisme, dalam novel pertamanya ini menggabungkan penceritaan tentang gejala hidup masyarakat yang terpengaruh dengan budaya barat serta kepercayaan agama Islam yang disampaikan dengan pelbagai teknik jalinan plot. Bagi Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali (2014:63) menyatakan bahawa tujuan Anwar Ridhwan menulis novel ini adalah untuk mengetengahkan persoalan budaya Melayu yang semakin pupus akibat perkembangan pesat sains dan teknologi yang menyebabkan tradisi bercerita semakin hilang ditelan arus kemodenan. Berpaksikan pengalaman yang diperoleh terhadap bentuk kepengarangan novel yang telah dihasilkan telah membantu memperkukuhkan pemantapan novel *Naratif Ogonshoto* yang masih meneruskan agenda realismenya untuk mengetengahkan soal kehidupan manusia yang menghadapi polemik dan persoalan krisis kepimpinan.

Turut menampilkan ciri pemantapan bentuk kepengarangan Anwar Ridhwan adalah melalui novel *Penyeberang Sempadan*. Kepengarangan novel ini masih berpaksikan kepada aliran realisme yang disulami dengan naratif magis tentang pembela dan pejuang tanah air yang telah menyeberang sempadan geografi serta ideologi. Namun, secara peleraian cerita ini telah kembali kepada asal usul serta dan kembali bertunjangkan agama Islam. Seperti novel sebelumnya, Anwar Ridhwan bereksperimen dengan menampilkan kelainan serta kekuatan individualitinya dalam berkarya. Hasilnya novel ini telah berjaya diterima oleh khalayak dan para pengkaji selain turut memenangi pengiktirafan sastera seperti hadiah pertama iaitu Hadiah SAKO 3 bagi novel Nasional pada tahun 2002/2007.

Mekanisme utama yang digunakan oleh Anwar Ridhwan dalam novel *Penyeberang Sempadan* kepada khalayak adalah melalui gaya dan stail penulisan perjalanan merentasi sempadan geografi watak utama iaitu Kuay yang berhijrah ke segenap negara dan benua bagi mencari asal usul serta pegangan untuk membebaskan tanah air dari belenggu penjajah. Lantaran pemantapan gaya dan stail ini turut dipengaruhi oleh bentuk kepengarangan novel-novel sebelumnya seolah-olah menjadi penambah perasa bagi menjadikan novel ini benar-benar berkesan dan unggul. Oleh yang demikian, adalah ditegaskan sekali lagi bahawa Anwar Ridhwan telah berjaya memantapkan diri dan kedua-dua novelnya iaitu *Naratif Ogonshoto* dan *Penyeberang Sempadan* hasil kerja keras beliau terhadap mekanisme atau rujukan karya-karya sebelumnya yang telah membantu membentuk individualiti bagi melahirkan karya yang benar-benar unggul.

KONSEP KEUNGGULAN KEPENGARANGAN ANWAR RIDHWAN

Kemunculan konsep Citra Keunggulan Insan adalah dicetuskan daripada teori Teksdealisme yang dipengaruhi oleh empat prinsipnya iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Teori Teksdealisme telah dijelaskan oleh pelopornya Mana Sikana (2013) iaitu usaha menginterpretasi secara analitis dan kritis sesebuah karya hingga menjadikan karya tersebut unggul di puncak idealismenya. Keempat-empat prinsip Teksdealisme menyarankan bahawa setiap pengarang perlu memastikan karyanya mencapai tahap unggul dengan membawa pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, transformasi, modifikasi dan demitefikasi. Oleh yang demikian, berpaksikan empat prinsip yang mendasari teori Teksdealisme telah mencetuskan tiga prinsip dalam konsep Citra Keunggulan Insan. Prinsip tersebut iaitu prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip Insaniah menjadi kekuatan tambahan kepada konsep baharu yang mengenal pasti keunggulan kepengarangan melalui novel-novel terpilih Anwar Ridhwan.

Kehadiran prinsip hijrah amat mempengaruhi pengarang mendapatkan fakta-fakta dari kaca mata atau situasi yang sebenar sebelum diperkukuhkan dalam karyanya. Apabila penghijrahan berlaku, pengarang secara tidak langsung terlibat dengan suasana persekitaran di tempat yang dilawati sebagai pengalaman berguna dan dijadikan simbol untuk menghasilkan karya yang bermutu dalam ruang lingkup





yang besar dan luas. Prinsip hijrah amat penting jika dibandingkan dengan bentuk kehadiran lain kerana kesedaran hakikat tentang makna dan sejarah hijrah dalam konteks Islam supaya menuntut melakukan perubahan demi mencari kebaikan. Justeru, hijrah menjadi titik permulaan perkembangan pengalaman yang berguna untuk tujuan mendidik diri dan masyarakat.

Novel *Naratif Ogonshoto* sememangnya terbukti lahir dari pengalaman hijrah Anwar Ridhwan dari tempat asalnya ke Tokyo, Jepun. Sepertimana yang dibuktikan dalam prinsip kehadiran teori Teksdealisme, hijrah Anwar Ridhwan ke Tokyo, Jepun pada tahun 1997 telah membawa kematangan dalam proses kepengarangannya. Kematangan yang dimaksudkan adalah dari segi proses mencurahkan idea dan sumber yang diperoleh sepenuhnya daripada pengalaman yang dilakukan semasa penghijrahan. Bagi Mana Sikana (2013:230) menyatakan bahawa pengalaman yang unggul akan melahirkan teks yang unggul, sebaliknya kurang pengalaman bererti kekeringan dalam teks. Justeru, pengalaman ini ditimba sepenuhnya oleh Anwar Ridhwan semasa penghijrahan beliau ke negara Jepun dengan memuatkan beberapa peristiwa dan latar bercirikan negara Jepun hingga berjaya mencetuskan idea dalam *Naratif Ogonshoto*.

Turut membuktikan prinsip hijrah sebagai konsep yang mencetuskan keunggulan insan adalah turut dibuktikan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Seperti yang dibuktikan dalam dapatan prinsip kehadiran teori Teksdealisme, Anwar Ridhwan telah menghadirkan pengalaman dalam kepengarangan novel ini setelah berhijrah ke beberapa buah negara seperti negara China, Rusia, Amerika Syarikat dan Jordan. Penghijrahan tersebut membolehkan beliau menimba serta menjana pengalaman hingga mencetuskan lintasan idea dan sumber untuk digarap dalam peristiwa dengan jelas dan baik. Perkara ini secara tidak langsung sekali lagi membuktikan bahawa dengan penghijrahan telah membantu dalam bentuk dan gaya kepengarangan beliau hingga tampil sebagai insan yang unggul. Antara latar tempat yang jelas membuktikan salah satu faktor atas hijrah yang dilakukan adalah dalam peristiwa berikut:

“Daripada yang pernah kudengar, kemunculan sastera ‘bawah tanah’ adalah akibat Zhdanovshchina, atau ‘tempo Zhdanov’ dalam periode 1946-48, ketika Zhdanov merupakan Setiausaha Jawatankuasa Pusat. Dia begitu berwewenang mengawal ideologi, termasuk dalam karya sastera. Kesan ‘tempo’ itu masih berlanjutan, seperti rasa mabuk yang berpanjangan. Hukuman keras menanti penulis yang tidak melanggan doktrin parti. Itu bererti tiada kebebasan kreativiti dan ekspresi”.

(*Penyeberang Sempadan*, 2012:239)

Jati diri seseorang pengarang turut mempengaruhi kepengarangannya sebagai satu usaha mencapai tahap keunggulan. Menyedari hakikat bahawa pengarang mempunyai jati diri yang kuat, maka pengarang akan menampilkan keberanian untuk mengetengahkan pembaharuan bagi memastikan teksnya sempurna, kukuh dan unggul. Menurut Mana Sikana (2015:3) dalam pandangan teori Teksdealisme, setiap pengarang haruslah berusaha untuk menemukan atau mencari peribadi masing-masing dalam berkarya supaya karyanya tampil unggul. Mengambil kira faktor ini, maka peribadi seseorang pengarang tidak dapat lari daripada jati diri yang dipegang setiap pengarang sebagai satu prinsip utama mendorong melakukan perubahan dan berani menampilkan keistimewaan dalam karyanya. Dalam erti kata yang lain, pengarang yang mempunyai jati diri unggul akan berusaha memastikan teksnya tampil dengan perubahan dan jiwa keberanian untuk mengetengahkan elemen pembentukan akhlak sebagai pengukuhan kepada sebuah teks yang sempurna dan unggul bagi tujuan mendidik masyarakat.

Akhir sekali, prinsip insaniah telah diasosiasikan melalui prinsip individualisme dalam teori Teksdealisme yang berkait rapat dengan autensiti dan originaliti seseorang pengarang. Bukan sekadar itu, prinsip insaniah menekankan bahawa pengarang sebagai insan yang penting bukan sahaja berusaha untuk menggunakan kebijaksanaan atau keintelektualan yang dianugerahkan dalam karyanya mencapai tahap unggul malah untuk tujuan mendidik masyarakat. Hal ini demikian kerana, sebuah karya yang unggul bukan sahaja terletak pada kebijaksanaan atau keintelektualan pengarang menyusun fakta sebagai ciri keunggulan teksnya malah lebih penting pengarang yang unggul menyedari dirinya sebagai insan bertujuan mencari keredhaan dan mendidik masyarakat supaya melakukan perubahan melalui mesej dan penerapan nilai-nilai murni yang berkesan.

Analisis dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kepengarangan Anwar Ridhwan telah berada dalam landasan dan sejajar dengan keempat-empat prinsip dalam teori Teksdealisme merangkumi





prinsip Kehadiran, prinsip Pelanggaran, prinsip Pengukuhan dan prinsip Individualisme. Keempat-empat prinsip teori Teksdealisme dibuktikan hadir dalam mengenal pasti dan menjelaskan aspek-aspek keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Setelah keempat-empat prinsip teori Teksdealisme ditemukan dan dibuktikan terkandung dalam kedua-dua novel Anwar Ridhwan, maka telah analisis dan mengasosiasikan konsep Citra Keunggulan Insan. Konsep ini dicetuskan oleh teori Teksdealisme yang terbukti menganalisis dan menghuraikan keunggulan kedua-dua novel terpilih Anwar Ridhwan.

KESIMPULAN

Meneliti kepada keempat-empat aspek prinsip yang mendukung teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme dapat mengenal pasti dan menjelaskan keunggulan karya dan kepengarangan Anwar Ridhwan. Berdasarkan keempat-empat prinsip ini, kajian menemui konsep baharu keunggulan iaitu melalui Citra Keunggulan Insan. Dengan itu, Citra Keunggulan Insan dijadikan satu lagi tahap memperlihatkan ciri-ciri keunggulan pada kepengarangan seseorang pengarang. Konsep ini menampilkan gambaran citranya melalui tiga prinsip iaitu prinsip hijrah, prinsip jati diri dan prinsip insaniah.

Ditegaskan bahawa empat prinsip teksdealisme telah membawa satu perkembangan teori dan kritikan tempatan untuk mengangkat martabat dan kegemilangan karya dan pengarang sastera. Begitu juga membawa kepada penemuan konsep baharu yang membuktikan keunggulan kepengarangan seseorang pengarang. Anwar Ridhwan telah memenuhi kesemua prinsip Teksdealisme sebagai pengarang yang layak memiliki status unggul dalam kepengarangannya. Malah, beliau telah membawa pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, transformasi, modifikasi dan demitefikasi. Kedua-dua novel yang terpilih iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* mencapai keempat-empat tahap iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme sebagai novel yang unggul.

Kajian ini merumuskan bahawa Anwar Ridhwan adalah seorang sasterawan yang dekat dengan masyarakat dan jujur dalam berkarya hingga berani mengutarakan pelbagai isu atau naratif baharu untuk menjadi panduan dan pedoman kepada masyarakat. Pemikiran dan keintelektualan Anwar Ridhwan adalah pengukuhan yang dimanfaatkannya dalam bentuk karya telah mengungguli kedua-dua novel terpilih ini. Stailistiknya begitu unik dengan acap-kali memainkan simbolisme dan perlambangan dalam gaya kepengarangan telah menjadikannya istimewa. Realitinya, Anwar Ridhwan amat mementingkan kualiti dalam penghasilan karyanya berbanding kuantiti ekoran dorongan untuk menghasilkan karya yang benar-benar unggul dan berkesan kepada masyarakat. Oleh yang demikian, ditegaskan lagi bahawa hasil keunggulan yang dibuktikan melalui keempat-empat prinsip Teksdealisme telah menemukan konsep Citra Keunggulan Insan yang menjadi pengukuran menilai tahap keunggulan kepengarangan pengarang.

Oleh yang demikian, dunia kepengarangan hari ini sewajarnya mencontohi segala aspek yang telah mengungguli dan menjadi kekuatan kepada sesebuah karya. Aspek tersebut pula antara lain menekankan idealisme pengarang yang menjadi tunjang kepada keberkesanan dan kesempurnaan pengarang. Idealisme seseorang pengarang turut dipengaruhi sikap serta pengalaman hidup yang banyak menekankan nilai-nilai etika supaya mengelakkan daripada menekankan unsur hiburan semata-mata. Sebaliknya, pengarang akan menampilkan fakta-fakta yang mengungkapkan sesuatu peristiwa yang benar bertujuan mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini telah menemukan idealisme Anwar Ridhwan sebagai seorang pengarang bukan sahaja menekankan nilai-nilai etika tersebut malah turut berjaya menyampaikan bentuk dan proses kepengarangannya mengikut tatacara bagi mencapai tahap atau puncak idealisme yang unggul.

Kajian ini turut menyarankan agar pengarang perlu berusaha mengkaji segala aspek kepengarangan bagi membolehkan karya yang dihasilkan tampil unggul dan meninggalkan kesan kepada pembaca. Segala aspek keunggulan yang dibuktikan dalam kepengarangan Anwar Ridhwan melalui kedua-dua novelnya iaitu novel *Naratif Ogonshoto* dan *Penyeberang Sempadan* juga dapat membantu para pengkaji dan pengarang lain dalam usaha melihat kekuatan yang dijadikan sumber dan idealisme dalam pengkaryaan. Kebanyakan pengarang hari ini terdedah dengan persekitaran penulisan yang mengutamakan hiburan semata-mata boleh meruntuhkan kegemilangan dan fungsi sastera. Sebaliknya pengarang harus menanam sifat untuk berusaha meninggikan aspek idealisme dan berani menampilkan





pembaharuan dengan peristiwa yang dikukuhkan dengan jati diri serta keinginan untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2011). Proses kreativiti A.Samad Said berasaskan teori Teksdealisme. *Jurnal Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia* (6) 153-168.
- Abdul Halim Ali. (2015). *Wacana teori dan kritikan sastera*. Shah Alam: NHA Resources.
- Ani Omar. (2011). *Apresiasi teori kesusasteraan Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Anwar Ridhwan. (2001). *Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. (2001). *Penyeberang Sempadan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Anwar Ridhwan. (2016). *Budaya Sastera dan seni jilid III*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia
- Ghazali Din. (2016). *Kepengarangan Muhammad Haji Salleh berasaskan model proses kreatif Teksdealisme*. Tesis untuk Doktor Falsafah. Tanjung Malim: UPSI
- Halijah Jais. (2004). *Novel-novel Anwar Ridhwan : penerapan terhadap teori Teksdealisme*. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu:Universiti Malaya.
- Kamarudin Jeon (2017). *Apresiasi sastera Naratif Ogonshoto*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera Teksdealisme*. Singapura: Pustaka karya.
- Mana Sikana. (2013). *Wacana sastera Melayu semasa*. Selangor: Pustaka karya.
- Mana Sikana. (2015). *Sasterawan Negara di takhta keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku malaysia.
- Mawar Shafei. (2010). *Novel intertekstual Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Saleeh Rahamad (2005). *Naratif Ogonshoto: Ibarat madu atau saringan*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* (7). 91-99.
- Muhammad Haji Salleh. (2005). *Puitika sastera melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Nazri Zainuddin. (2015). *Novel tengku menteri dan urih persisir analisis kepemimpinan berkualiti dengan teori Teksdealisme*. Tesis untuk Doktor Falsafah. Tanjung Malim: UPSI.
- Mohd Yusof Hasan & Siti Khariah Mohd. Zubir. (2013). *Ikon kesusasteraan: pemikiran global 11 Sasterawan Negara Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Haji Salleh. (2005). *Puitika sastera melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2015). *Proses penciptaan menulis untuk remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah A.Hamid. (2017). *Proses kreatif, sensitiviti dan kreativiti pengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salbiah Mustafa. (2017). *Analisis keunggulan novel Ratap Rabitah Dalam Kepengarangan Aminah Mokhtar berdasarkan teori Teksdealisme*. Tesis untuk Ijazah Sarjana. Tanjung Malim: UPSI
- S.M Zakir. (2014). *Karya dan kekuasaan pengarang: pemikiran dan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan*. *Jurnal Melayu Vol 12* (1) 24-52.
- Sulaiman Salleh. (2014). *Keberkesanan komunikasi kepengarangan*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2014). *Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

